

Sumber: Kolej Universiti Islam Selangor



Pensyarah KUIS Tokoh Anak Muda Kelantan 2015

Sumber: KUIS

Pengurusan dan seluruh warga Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mengucapkan sekalung perhargaan dan tahniah kepada Timbalan Dekan (Seminar, Penyelidikan dan Promosi), Akademi Islam (AI) yang juga merupakan salah seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Linguistik Arab iaitu Dr. Md. Noor bin Hussin atas penerimaan Anugerah Abu Bakar As-Siddiq - Tokoh Ulama Muda bagi Tokoh Anak Muda Kelantan (AMAL) 2015 dari Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim.

Anugerah tersebut telah disampaikan sendiri oleh Y.A.B Menteri Besar Kelantan Darulnaim, Dato' Haji Ahmad bin Yaakob dalam satu

majlis gilang gemilang di Dewan Teratai SUK, Kota Darulnaim pada 24 Ogos 2015 yang lalu. Keputusan memilih Dr. Md. Noor bin Hussin untuk menerima anugerah tersebut telah diputuskan dalam Mesyuarat Panel Pengesahan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Hj. Abdul Fattah bin Mahmood, Pengurus

Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Belia dan Sukan Negeri Kelantan pada 18 Ogos 2015.

Syabas Dr. Md. Noor Hussin. Didoakan Dr. semakin bersemangat menabur bakti dan sentiasa maju kehadapan mendidik generasi muda bersifat Dai', Ulama dan Umara. **Edisi**



Sesi bergambar kenangan bersama Y.A.B Menteri Besar Kelantan

Lawatan Akademik Dari Stain Pekalongan, Indonesia

Sumber: KUIS

B andar Seri Putra - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menerima lawatan kerja daripada Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Pekalongan Indonesia (STAIN) pada 10 Ogos 2015 yang lalu.

Delegasi seramai 39 orang dari Sekolah tersebut yang terdiri daripada 3 orang Pembimbing diketuai Dr.H. Muhsin Ibn Salim dan 36 orang pelajar Sarjana telah disambut oleh pegawai pegawai BPK. Satu perbincangan dua hala telah diadakan di Dewan Senat KUIS di antara

Pengarah (STAIN), Dekan berserta wakil pensyarah Akademi Islam dan Pengarah berserta Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Siswazah.

Tujuan lawatan adalah bagi bertukar tukar pandangan, perkongsian ilmu pendidikan islam dan syariah. Informasi berkaitan pentadbiran Sistem Pengurusan Akademik telah disampaikan dengan begitu baik sekali oleh Ketua Bahagian Pengurusan Akademik KUIS.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati sebagai tanda penghargaan dan kenangan. Semoga kerjasama dan ukhuwah yang terjalin diteruskan bagi kelangsungan jihad pendidikan di kedua dua Institusi Pengajian Tinggi Islam ini. **Edisi**



Sesi bergambar kenangan disumpang pula sumbangan STAIN Pekalongan, Indonesia

Konvokesyen 18 KUIS : 1118 Terima Ijazah Dan Diploma



Graduan menglangkah keluar dari dewan selepas selesainya majlis.

Sumber: KUIS

B ANDAR SERI PUTRA, 29 Ogos - Majlis Konvokesyen kali ke-18 KUIS 2015 telah berlangsung dengan jaya dan gemilang pada 29 Ogos 2015 yang menyaksikan seramai 1118 orang graduan diraikan dalam dua sidang setelah berjaya menamatkan pengajian Ijazah dan Diploma dengan sempurna dan cemerlang.

Majlis disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor Y.A.B. Tuan Mohamad Azmin Bin Ali merangkap Pengurus Lembaga Pengarah KUIS telah menyampaikan Ijazah dan Diploma serta menyampaikan ucapan tahniah kepada graduan dan kejayaan KUIS yang telah menjadi institusi pilihan utama melahirkan graduan yang berkualiti dengan peningkatan jumlah pelajar baharu berbanding sesi sebelum ini dengan kenaikan 100% yang menjadikan jumlah sermasa pelajar KUIS hampir 8 ribu pelajar.

Pada Sidang Kedua Pengurusi Majlis Agama Islam Selangor, Y.A.D Dato' Setia Hj Mohamad Adzib bin Mohd Isa telah menyampaikan Diploma kepada graduan KUIS. Dalam ucapan beliau menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Selangor akan terus komited dan memberikan sokongan dari segi moral dan dana bagi memastikan KUIS menjadi sebuah legasi DYMM Sultan Selangor dan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berkualiti di negeri Selangor Darul Ehsan. Tahniah kepada Graduan KUIS. **Edisi**